

B B964 AAB
MAHKAMAH - FEER RRR

(I)

KUALA LUMPUR, 14 APRIL (BERNAMA) -- MAHKAMAH TINGGI DI SINI HARI INI DIBERITAHU BAHAWA FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) DAN PENGARANGNYA BERKEWAJIPAN MEMBERI BUTIR-BUTIR MENGENAI SUMBER-SUMBER YANG MEREKA BERGANTUNG BAGI RENCANA MENGENAI PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM YANG MENJADI POKOK PEMBICARAAN DALAM SAMAN MALU YANG DIKEMUKAKAN TERHADAP MEREKA OLEH PERDANA MENTERI.

PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN, T. SELVENTHIRANATHAN BERKATA JIKA MEREKA GAGAL BERBUAT DEMIKIAN, KENYATAAN MEMBELA DIRI MEREKA (TERHADAP SAMAN) ITU BAHAWA SUMBER-SUMBER ITU, PADA MASA LALU, TERBUKTI BOLEH DIPERCAYAI, HENDAKLAH DIKETEPIKAN.

BELIAU BERKATA JIKA TIDAK DAPAT BERBUAT DEMIKIAN, MAKA MEREKA TELAH BERTINDAK DENGAN NIAT BURUK.

DEFENDAN TIDAK SEHARUSNYA +BERGELINDUNG+ DI BELAKANG SUMBER-SUMBER ITU, TAMBAH BELIAU.

KATANYA, APABILA FEER DAN PENGARANGNYA DEREK DAVIES, MENGEMUKAKAN PEMBELAAN INI, MEREKA BERHASRAT UNTUK MENUNJUKKAN BAHAWA ADA SESUATU YANG MEREKA BOLEH MENARUH KEPERCAYAAN DAN JIKA MEREKA BERGANTUNG KEPADA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER, MAKA ADALAH DEMI KEPENTINGAN KEADILAN DAN PERI MUSTAHAKNYA BAGI MEREKA MEMBERI BUTIR-BUTIR SEPERTI YANG DIMINTA OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD. -- LAGI

1848MST 14 04 88

B B967 AAB
MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR RRR
(I)

ENCIK SELVENTHIRANATHAN BERHUJAH ATAS PERMOHONAN PERDANA MENTERI SUPAYA DEFENDAN MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER, BUTIR-BUTIR SETIAP PERISTIWA APABILA DEFENDAN MENDAKWA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER YANG DIKATAKAN ITU TERBUKTI BOLEH DIPERCAYAI, BILA DAN DI MANA MAKLUMAT DITERIMA DAN BENTUK IA DISAMPAIKAN.

FEER DAN ENCIK DAVIES DISAMAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR BERHUBUNG DENGAN SATU RENCANA YANG DISIARKAN DALAM MAJALAH ITU KELUARAN 21 MEI TAHUN LALU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMOHON GANTIRUGI KERANA FITNAH YANG TERKANDUNG DALAM KENYATAAN MEMINTA MAAF DAN PENARIKAN BALIK LAPORAN BERHUBUNG DENGAN RENCANA YANG DISIARKAN OLEH MAJALAH ITU PADA 4 JUN TAHUN LALU.

DALAM SAMAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, ANTARA LAIN, MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN DALAM RENCANA ITU YANG MENYENTUH BELIAU DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, MENGIKUT MAKNA YANG LAZIM DIFAHAMI, MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG BERCANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA AKIBAT PENERBITAN PERKATAAN-PERKATAAN ITU, NAMA BAIKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERCEMAR DAN MENDEDAHKANNYA KEPADA CEMUAN MASYARAKAT, PENGHINAAN BERTA FITNAH. -- LAGI

1904MST 14 04 88

0626

B B971 AAB
MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR
(I)

DALAM KENYATAAN MEMBELA DIRI, FEER DAN PENGARANGNYA, MENAFIKAN YANG RENCANA ITU MEMBAWA MAKSUD UNTUK MEMFITNAH PERDANA MENTERI, DAN MENAMBAH KATA JIKA PERKATAAN-PERKATAAN ITU BERBENTUK FITNAH, IA DISIARKAN MENGIKUT HAK ISTIMEWA KERANA DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH SEORANG TOKOH YANG BUKAN SAHAJA DIKENALI DI MALAYSIA BAHKAN DUNIA.

ENCIK SELVENTHIRANATHAN BERKATA DALAM AFIDAVIT MEREKA, DEFENDAN MENYEBUT BAHAWA MEREKA TIDAK BERHASRAT MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER DAN BUTIRAN LAIN YANG DIMINTA.

BELIAU BERKATA OLEH KERANA DEFENDAN MENYEBUT BAHAWA MEREKA BERGANTUNG KEPADA SUMBER-SUMBER BERKENAAN, JADI UNTUK BERKATA BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN MEMBERI BUTIR-BUTIR YANG DIMINTA, ADALAH MEMALUKAN PLAINTIF DALAM PERSEDIAAN BAGI SAMANNYA.

KENYATAAN MEMBELA DIRI DEFENDAN BAHAWA SUMBER-SUMBER ITU PADA MASA LALU TERBUKTI BOLEH DIPERCAYAI AMATLAH PENTING KEPADA HUJAH DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA ADA NIAT BURUK.

JIKA DEFENDAN BERKATA BAHAWA KEPADA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER ITULAH MEREKA BERGANTUNG BAGI TINDAKAN MEREKA, MAKA MEREKA PERLU MEMBERI BUTIR-BUTIR SEPERTI YANG DIMINTA UNTUK MENUNJUKKAN BAHWA ADA TINDAKAN MEREKA DIDORONGI OLEH NIAT BURUK, KATA BELIAU. -- LAGI
1925MST 14 04 88

0629

B B974 AAB
MAHKAMAH - FEER 4 KUALA LUMPUR
(I)

PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN BERKATA JIKA MEREKA TIDAK MENYEBUT NAMA SUMBER-SUMBER ITU, MEREKA TIDAK BOLEH DIBENARKAN BERGANTUNG KEPADA KENYATAAN MEMBELA DIRI ITU.

ENCIK SELVENTHIRANATHAN BERKATA MEMANDANGKAN KENYATAAN MEMBELA DIRI DEFENDAN BERGANTUNG KEPADA HUJAH MENGENAI +HAK ISTIMEWA+ DAN BERKATA BAHAWA ITU ADALAH ASAS BAGI MEREKA BERTINDAK, MAKA MEREKA TIDAK BOLEH ENGGAN MEMBERI BUTIR-BUTIR SEPERTI YANG DIMINTA.

JIKA ENGGAN, KATANYA, MEREKA TIDAK BOLEH BERKATA BAHAWA MEREKA BERGANTUNG KEPADA HUJAH ITU BAGI MEMBELA DIRI.

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH, YANG DIBANTU OLEH CIK CHISTINA KOW, MEWAKILI FEER DAN ENCIK DAVIES.

BELIAU AKAN BERHUJAH SELANJUTNYA PADA 27 APRIL. -- BERNAMA
1930MST 14 04 88